



GERAN MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK)

BAHAGIAN KOMUNITI DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



PENGENALAN GERAN

MESYUARAT JM 27 JUN 2018



PELAKSANAAN

Geran MPKK menumpukan projek yang menjana pendapatan ekonomi masyarakat kampung, keceriaan dan keselamatan kampung.

MESYUARAT JM 27 JUN 2018



PERUNTUKAN

RM10,000 setiap MPKK berdasarkan permohonan yang memenuhi syarat dengan siling peruntukan tidak melebihi RM100 juta setahun

MESYUARAT JM 10 OKT 2018



TATACARA

Tatacara pemberian geran yang menyentuh mengenai kaedah dan skop dipersetujui



SKOP GERAN


1. Program yang menjana pendapatan ekonomi masyarakat kampung

2. Program keceriaan kampung

3. Program kesejahteraan kampung



**PROGRAM YANG
TIDAK AKAN
DIPERTIMBANGKAN**



01

Program yang boleh menimbulkan isu sensitif

02

Program yang dimiliki oleh individu

03

Pembelian aset

04


Program yang difikirkan tidak sesuai oleh Jawatankuasa pemilihan Geran (JPG)



SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

1. **MPKK mestilah yang telah ditubuhkan dan Anggota MPKK mestilah yang telah dilantik oleh pihak Kerajaan Negeri dan masih berkuatakuasa tempoh pelantikannya.**
2. Program yang ingin dilaksanakan mestilah tidak dimiliki oleh individu.
3. Permohonan hanya boleh dibuat sekali setahun dengan had permohonan geran hendaklah tidak melebihi RM10,000
3. **Hanya borang permohonan yang lengkap akan dipertimbangkan.**
4. Dokumen sokongan seperti senarai berikut mesti dikepulkan bersama-sama dengan borang permohonan iaitu:
 - i. kertas cadangan projek/ program yang lengkap
 - ii. borang Akujanji Laporan Pelaksanaan program
 - iii. salinan akaun bank MPKK;
 - iv. Buku Profil Kampung;
 - v. minit mesyuarat MPKK berkaitan pemilihan program geran
 - vi. Surat sokongan daripada Kerajaan Negeri/ Pejabat Daerah/ Pejabat Residen
5. **MPKK mestilah yang aktif dan bersih daripada aduan serius.**
6. Kelayakan untuk memohon adalah setiap tahun
7. **Tempoh permohonan akan dibuka bermula pada 1 Januari sehingga 31 Ogos pada setiap tahun**
8. Pelaksanaan program hendaklah mengikut sepertimana permohonan yang telah diluluskan

PROSES PERMOHONAN GERAN



1

Permohonan

MPKK kemuka permohonan kepada KEMAS Daerah. KEMAS Daerah saring borang dan dokumen permohonan

2

Jawatankuasa Pemilihan Geran (JPG)

Ditubuhkan di KPLB Negeri untuk menyemak, menilai dan meluluskan permohonan geran

3

Peruntukan

KPLB Negeri menyalurkan peruntukan geran kepada MPKK yang berjaya

4

Pelaksanaan

MPKK melaksanakan program dan melaporkan status pelaksanaan kepada KPLB negeri dari semasa ke semasa

5

Pemantauan

KPLB Negeri bersama KEMAS Negeri/Daerah memantau status pelaksanaan projek geran oleh MPKK dan melaporkan kepada KPLB Ibu Pejabat

JAWATANKUASA PEMILIHAN GERAN (JPG)

Jawatan	Keanggotaan
Pengerusi	Pengarah KPLB Negeri
Urus Setia	KPLB Negeri
Ahli Tetap	<ol style="list-style-type: none">1. Unit Perancang Ekonomi, SUK Negeri2. Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP)/Pejabat Pembangunan Negeri (PPN)3. KEMAS Negeri
Ahli Tidak Tetap	<ol style="list-style-type: none">1. Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED) (bagi negeri Sarawak sahaja)2. Kementerian Pembangunan Luar Bandar Sabah (bagi negeri Sabah sahaja)3. Perbadanan Labuan (bagi Wilayah Persekutuan Labuan sahaja)4. Mana-mana Agensi Kerajaan yang bersesuaian

JPG akan ditubuhkan di setiap KPLB Negeri untuk menyemak, menilai dan seterusnya meluluskan permohonan Geran.

Penilaian dan kelulusan permohonan Geran hendaklah dilaksanakan berdasarkan prosedur *first come first serve*, tertakluk kepada terma dan syarat

JPG boleh bermesyuarat dengan kehadiran sekurang-kurangnya tiga (3) orang Ahli Tetap

JPG berhak memutuskan jumlah peruntukan dan program yang akan diluluskan bagi setiap permohonan. Keputusan JPG adalah muktamad.

PERANAN KPLB NEGERI

1 PELAKSANAAN PROGRAM	2 LAPORAN PELAKSANAAN PROGRAM OLEH MPKK	3 LAPORAN PRESTASI PELAKSANAAN GERAN KEPADA KPLB IBU PEJABAT
<p>Memastikan program yang dilaksanakan oleh MPKK sama seperti yang telah diluluskan oleh JPG</p>	<p>Memastikan MPKK kemuka laporan pelaksanaan setiap program dalam tempoh 30 hari selepas program selesai dilaksanakan</p>	<p>Melaporkan statistik permohonan, status perbelanjaan peruntukan Geran dan status pelaksanaan Geran kepada KPLB Ibu Pejabat secara bulanan pada atau sebelum 05 haribulan bulan berikutnya.</p>
		

PERANAN KEMAS NEGERI / DAERAH

1 TURUN PADANG

Membantu KPLB Negeri membuat pemantauan turun padang bagi memastikan program yang dilaksanakan sama seperti yang telah diluluskan oleh JPG



2 LAPORAN STATUS PELAKSANAAN PROGRAM KEPADA KPLB NEGERI

Melaporkan status pelaksanaan setiap program kepada KPLB Negeri



PENGGANTUNGAN PERMOHONAN GERAN

MPKK tidak layak memohon geran bagi tahun berikutnya sekiranya :

1. Laporan

Gagal kemuka laporan pelaksanaan setiap program dalam tempoh 30 hari yang ditetapkan

2. Program

Gagal melaksanakan program seperti yang telah diluluskan oleh JPG

3. Pertukaran

Menukar program yang telah diluluskan tanpa membuat permohonan baharu





**GERAN
MAJLIS PENGURUSAN
KOMUNITI KAMPUNG
(MPKK)**

**Disediakan Oleh :
Bahagian Komuniti Desa
Kementerian Pembangunan Luar Bandar**